

**TEKS UCAPAN PERASMIAN**  
**Y. BHG. PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR, UTeM**

---

**MAJLIS HOMECOMING ALUMNI UTeM 2017**  
**16 DISEMBER 2017 (SABTU), 12.00 TENGAHARI**  
**KAMPUS TEKNOLOGI**

Bismillahirrahmanirrahim,

**Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

**Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Izaidin bin Abdul Majid**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Goh Ong Sing**

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat)

**Y.Bhg. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

**Y. Berusaha Encik Azrul bin Aziz**

Presiden Persatuan Alumni UTeM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti, Ahli Jawatankuasa Persatuan Alumni UTeM, Alumni UTeM, Hadirin serta Hadirat sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka  
755 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan izin-Nya, maka dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Homecoming Alumni UTeM bagi tahun 2017.
2. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pejabat Jaringan Industri & Masyarakat dan juga Persatuan Alumni UTeM

(AUTeM) yang telah berjaya mengaturkan satu program yang amat dinanti-nantikan oleh alumni UTeM, serta memberi impak yang tersendiri kepada UTeM.

3. **Ahlan wa Sahlan wa Marhaban bikum, Selamat Kembali** saya ucapkan kepada alumni-alumni KUTKM dan UTeM ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka; tempat yang cukup bermakna, yang telah memberikan seribu satu kenangan kepada kalian pada suatu masa dahulu.
4. Bak kata pepatah, “Tempat Jatuh Lagi Dikenang, Inikan Pula Tempat Menimba Ilmu Yang Meninggalkan Seribu Satu Kenangan Berharga”

## **Alumni UTeM**

5. UTeM amat bangga dengan alumni universiti ini, kerana terdapat di antaranya yang terlibat di dalam projek pembangunan Negara seperti di dalam Projek Rapid Rail's Malaysia, berjaya sebagai usahawan dengan perniagaan sendiri, berkhidmat di luar negara, dan pelbagai lagi.
6. Berdasarkan statistik, sehingga Majlis Konvokesyen Ke-13 UTeM, Universiti telah melahirkan seramai 23,653 graduan.
7. Namun, ahli yang berdaftar dengan persatuan Alumni UTeM hanyalah sekitar 500 orang sahaja.
8. Alumni UTeM yang sedang berkhidmat di Universiti ini adalah berjumlah 177 orang.

9. Universiti mengharapkan lebih ramai alumni yang akan berdaftar dengan AUTeM bagi merancakkan lagi agenda yang telah dirangka oleh persatuan ini.
10. Universiti juga amat memerlukan kerjasama dan sumbangan berterusan daripada Alumni UTeM dalam aspek:
  - a. Menjadi mentor kepada adik-adik yang berada di dalam pengajian, khususnya pelajar tahun akhir, supaya cemerlang dan mendapat tempat terbaik di dalam industri.
  - b. Memberi sumbangan kepada pihak Universiti menerusi tabung endowmen, sumbangan dan wakaf. Pada masa ini Universiti telah berjaya mengumpulkan:

- i. Tabung Endowmen : RM 267K
  - ii. Tabung Sumbangan : RM 55K
  - iii. Tabung Wakaf : RM 63k
- c. UTeM juga bakal menubuhkan Yayasan UTeM yang bertujuan untuk mengumpulkan dana hasil sumbangan orang ramai bagi menyokong peoses P&P dan membantu mereka yang memerlukan.
- d. Kepakaran yang dimiliki oleh alumni UTeM diharapkan dapat disumbangkan kembali kepada UTeM sama ada di dalam bidang Kejuruteraan, ICT mahupun pengurusan seterusnya membawa nama Universiti ini megah di persada antarabangsa.

## **Majlis Home Coming Alumni UTeM**

11. Menjadikan Majlis Homecoming Alumni UTeM ini sebagai acara tahunan.
12. Sebagai usaha Universiti untuk mengembalikan semangat “sense of belonging” kepada universiti ini.
13. Pemilihan Kampus Teknologi sebagai lokasi penganjuran program kali ini supaya tuan-tuan dan puan-puan untuk menikmati keindahan semua kampus UTeM selain dapat merasai kemudahan-kemudahan yang mungkin tidak sempat nikmati pada satu masa dahulu.

14. Tambahan pula, program ini akan dianjurkan secara bergilir mengikut fakulti mulai tahun ini yang mana tuan rumah kali ini adalah FTK.

### **Komitmen UTeM terhadap Alumni**

15. Rumah Alumni UTeM telah disenaraikan sebagai satu projek penting oleh pihak UTeM untuk dibangunkan.
16. Tun Canselor sendiri telah melihat projek ini sebagai projek yang penting yang mana beliau telah meletakkan harapan yang tinggi kepada Presiden Persatuan Alumni UTeM untuk mengumpulkan dana berjumlah RM60j bagi pembangunan rumah alumni ini.

17. Di harapkan dengan projek pembinaan rumah alumni ini, dapat memberikan kemudahan dan akses yang lebih mudah kepada alumni untuk berhubung dengan universiti dengan lebih mudah dan berkesan serta dapat merangka dan menjalankan pelbagai aktiviti atau program yang dapat mengeratkan lagi ukhwah di kalangan alumni.

### **Harapan kepada Alumni**

18. Terus bersama-sama menyumbangkan idea, buah fikiran, tenaga berdasarkan kebolehan dan kemampuan masing-masing mahupun wang ringgit untuk disalurkan bagi membantu pembangunan universiti yang lebih mampan.

19. Diharapkan keikhlasan anda dalam memberikan sumbangan akan menyokong pembangunan kampus universiti tercinta dengan lebih cemerlang dan gemilang.

## **Penutup**

20. Saya amat berharap agar perjumpaan pada hari ini merupakan satu perjumpaan yang amat bermakna.
21. Saya meletakkan harapan yang tinggi kepada alumni UTeM untuk terus menabur bakti kepada universiti ini.
22. Sesungguhnya Universiti tidak mahu rasa kehilangan ‘permata-permata’ yang pernah di gilap suatu ketika dahulu.

23. Sekali lagi saya berharap agar hubungan ini tidak terhenti di sini sahaja, malah ia seharusnya berterusan dan berpanjangan menjangkau generasi.
24. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada jawatankuasa program yang telah bertungkus lumus dalam menjayakab penganjuran program ini.
25. Semoga usaha ikhlas yang di lakukan mendapat keberkatan dari Ilahi.

Tinggi bukit gilang-gemilang,  
Air laut tenang-tenangan,  
Budi sedikit tidakkan hilang,  
Itu menjadi kenang-kenangan.

Bunga peria di atas sampan,  
Dahan gedangsa bersilang-silang;  
Alumni UTeM terletak harapan,  
Membawa UTeM ke mercu terbilang.

Sekian, Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi  
wabarakatuh.